

PM tawar jawatan kepada Razaleigh dan Musa

UM 31 OCT 1988

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini secara mengejut menawarkan jawatan menteri tanpa portfolio kepada Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam sebagai langkah untuk memperbaiki perpaduan Melayu dan UMNO.

Para perwakilan Perhimpunan Agung UMNO sekalipun kelihatan terkejut mendengar pengumuman itu tetapi secara spontan terus memberi tepukan sebagai tanda persetujuan sebelum pun beliau sempat menghabiskan pengumuman itu.

Ramai di antara para perwakilan juga kelihatan menangis dan menyapu

air mata sebaik - baik mendengar pengumuman tidak disangka - sangka itu semasa beliau menggulung perbincangan di akhir perhimpunan UMNO selama tiga hari.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau akan mengutus surat rasmi kepada Tengku Razaleigh dan Datuk Musa dengan segera dan "saya harap mereka terima tawaran saya demi perpaduan Melayu."

Sebelum membuat pengumuman berkenaan Perdana Menteri telah berkali - kali meminta para perwakilan bertenang dan jangan memarahinya kerana pengumuman yang akan dibuatnya.

Para perwakilan yang pada mulanya menyangka beliau akan mengumumkan hari cuti untuk semua telah bertepuk "cuti, cuti". Sebaliknya Perdana Menteri berkata, "harap bertenang".

Dengan nada suara yang serius dan tertahan - tahan beliau berkata: "Saya ingin akhiri perhimpunan agung ini dengan pengumuman yang mungkin tidak disenangi oleh tuan - tuan.

"Saya percaya kita sangat inginkan perpaduan. Ini satu usaha bersungguh - sungguh untuk mencapai perpaduan.

"Saya meminta tuan - tuan bertenang dan jangan terlalu marah dengan pengumuman ini.

"Saya ingin menjemput Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam menjadi anggota kabinet (para perwakilan bertepuk) sebagai menteri tak berportfolio.

"Jemputan ini ikhlas dan sebagai langkah untuk memperbaiki perpaduan di kalangan orang Melayu dan UMNO."

Sebaik sahaja Perdana Menteri selesai membuat pengumuman itu para perwakilan bangun dan terus bertepuk seolah - olah tidak percaya.

Suasana menjadi bertambah mengharukan bila pengerusi tetap, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah berkata: "Ini me-

LIHAT MUKA 2

menteri

Ditawar jawatan menteri

rupakan hari yang bersejarah. Kalau Tengku Razaleigh dan Datuk Musa benar - benar hendak mengembalikan perpaduan bangsa, kita harap mereka terima pelawaan ini."

Para perwakilan nyata ghairah untuk berpadu bila salah seorang dari mereka Encik Zainal Sarkom naik ke atas pentas dan mengajak semua dalam Dewan berselawat yang diikuti dengan penuh semangat oleh para perwakilan.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung UMNO itu berakhir, Perdana Menteri berkata tujuan tawaran ini dibuat adalah untuk menamatkan saki - baki persengketaan.

Menjawab satu soalan beliau berkata, "adalah menjadi hak saya sebagai Perdana Menteri untuk melantik sesiapa sahaja menjadi menteri," saya tidak berunding dengan Majlis Tertinggi UMNO dan jemaah menteri kecuali Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba atas hak saya sebagai Perdana Menteri. Keputusan ini hanya dibuat semalam dan hanya diumumkan hari ini.

"Saya akan mengutus surat jemputan kepada mereka selepas ini dan berharap mereka akan menerima jemputan ini demi perpaduan dalam UMNO."

Menjawab satu lagi soalan, Datuk Sri Dr.

Mahathir berkata tawaran ini dibuat tanpa syarat dan beliau akan menerima mereka tanpa syarat.

"Kita tidak menentukan masa bagi mereka untuk menjawab jemputan ini kerana kita lakukan ini dengan ikhlas untuk perpaduan," katanya.

Beliau menyatakan sebelum ini ketika pilihanraya kecil Parit Raja ada orang mengatakan kita membuka pintu UMNO kepada semua kerana kita berada di dalam keadaan lemah.

"Tetapi tawaran kali ini kita buat dalam keadaan perpaduan UMNO kukuh dengan sokongan yang begitu kuat yang ternyata dari Perhimpunan Agung UMNO ini.

"Namun demikian demi perpaduan kita sanggup menerima kedua - dua tokoh itu ke dalam kabinet kita," tegasnya.

Ditanya pula apakah Tengku Razaleigh dan Datuk Musa perlu menyertai UMNO terlebih dahulu sebelum dilantik ke kabinet, beliau menjelaskan, soal itu akan dibincangkan kemudian.

Bila ditanya tidakkah beliau bimbang Tengku Razaleigh dan Datuk Musa akan memecahkan rahsia kerajaan seperti yang pernah mereka lakukan sebelum ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Ada orang yang kadang - kadang buat salah tetapi ke-

mudahan dia belajar dari kesalahannya dan tidak mungkin akan melakukannya lagi."

Mengenai sama ada beliau boleh bekerja dengan orang - orang yang pernah menuduhnya sebagai diktator: "Saya pernah bekerja dengan orang yang pernah mengecilkan hati saya."

"Dulu masa Datuk Musa letak jawatan saya telah mengatakan saya sentiasa sedia untuk bekerja semula dengan beliau."

Beliau menambah, dùlupun UMNO, PAS, Gerakan dan SUPP pernah saling sakit menyakiti hati tetapi sekarang Gerakan masih kekal dan terdapat pula menteri kabinet dari parti - parti tersebut dan PAS pula pernah menyertai Barisan Nasional.

Ditanya apakah perlu satu rombakan kabinet dilakukan untuk menampung kemasukan Tengku Razaleigh dan Datuk Musa, beliau berkata, ia tidak diperlukan kerana mereka tidak akan mengisi sebarang kekosongan.

Mengenai tugas mereka pula, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ia akan ditentukan kemudian.

Menjawab satu soalan lain, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, pilihanraya mengejut memang tidak diperlukan kerana Barisan Nasional sudahpun menerima sokongan majoriti di Parlimen.